

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 6 TAHUN 2021**

**KEPUTUSAN BAGI PERMOHONAN RAYUAN UNTUK MELANJUTKAN TEMPOH
BAYARAN KELULUSAN PERMOHONAN/PEMBAHARUAN TENEMEN MINERAL
SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(PKP 2.0, PKP 3.0 DAN PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 1-4)**

Arahan ini dikeluarkan untuk makluman kepada semua jabatan dan agensi yang terlibat dengan sektor perlombongan di Negeri Kelantan, bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-20/2021 yang bersidang pada 6 Oktober 2021 melalui Kertas Bil. 20/2021/D4(119) telah membuat keputusan sebagaimana berikut :-

- i. Mana-mana permohonan rayuan untuk melanjutkan tempoh bayaran kelulusan permohonan/pembaharuan tenemen mineral semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 2.0, PKP 3.0 dan Pelan Pemulihan Negera Fasa 1-4) dipertimbangkan sehingga 31 Disember 2021;
 - ii. Sekiranya pemohon gagal menjelaskan bayaran tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, maka permohonan tersebut akan diangkat kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pembatalan kelulusan permohonan/pembaharuan tenemen mineral.
2. Semua jabatan dan agensi yang terlibat dengan sektor perlombongan di Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL *D.P.S.K.(Kelantan), K.M.N*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berusaha

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan/

Semua Jabatan dan Agensi Yang Terlibat Dengan Sektor Perlombongan di Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YM Tengku Kaya Perkasa Dato' Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
7. YABrs. Pengarah Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan
8. YABrs. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
9. YABrs. Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan
10. YABrs. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
11. YABrs. Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan
12. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU
KELANTAN

NO. FAIL : PTG.KN.1/2/31

BERTARIKH : 26 RABIUL AWAL 1443H

2 NOVEMBER 2021